



# MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Sandakan seperti yang berikut:

Rujukan Iklan	: MPS:[ ]500-09/001/0001/005/10
Nama jawatan	: <b>Pekerja Sambilan Harian (PSH)</b>
Bilangan kekosongan	: <b>Satu (1) jawatan</b>
Taraf lantikan	: <b>Sambilan</b>
Kadar Upah	: <b>RM69.23 / sehari</b>
Bidang tugas	: Bertanggungjawab dalam tugas-tugas menguatkuasakan undang-undang kecil peruntukan letak kereta ber kupon Majlis Perbandaran Sandakan dan mengeluarkan kompaun kepada pesalah pengguna kupon dan tiket bulanan letak kereta.

### SYARAT LANTIKAN :-

- Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Kelayakan akademik :
  - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Kelayakan Bahasa Melayu :
  - Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### ARAHAN DAN CARA MEMOHON

- Permohonan hendaklah menggunakan Borang SPA.1 Pindaan 1/98 yang telah lengkap diisi dan dihantar ke Majlis Perbandaran Sandakan sebelum tarikh tutup iklan.
- Sila merujuk pautan <https://mps.sabah.gov.my/portal/job> untuk maklumat lanjut.

### TARIKH TUTUP IKLAN

Tarikh tutup iklan : **11 SEP 2023**

Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan sila hubungi Jabatan Sumber Manusia, Majlis Perbandaran Sandakan di talian 089-211944 Samb. 407/409.

  
(HENRY IDOL)

**PRESIDEN**  
**MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN**

Cop Rasmi Jabatan :





## ARAHAN DAN CARA MEMOHON JAWATAN KOSONG DI MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

Permohonan hendaklah menggunakan Borang SPA.1 Pindaan 1/98 - Permohonan Jawatan Di Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sabah yang telah lengkap diisi berserta dengan:

- i. Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran pemohon;
- ii. Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran ibu dan bapa pemohon;
- iii. Salinan Kelulusan Akademik (sila lampirkan bersama surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi sijil/diploma/ijazah dari IPTS dan luar negara (jika berkenaan);
- iv. Transkrip keputusan peperiksaan semua semester (jika yang berkenaan); dan
- v. Sekeping gambar ukuran pasport (berwarna)

Dokumen yang lengkap perlu dihantar sebelum tarikh tutup iklan ke alamat berikut:

**Presiden,  
Tingkat 1, Wisma Perbandaran,  
Majlis Perbandaran Sandakan,  
Peti Surat 221, 90702 Sandakan,  
(u.p.: Jabatan Sumber Manusia)**

*\*Sila tulis nama jawatan dan No. Rujukan Iklan di penjuru atas kiri sampul surat permohonan*

### **PENTING:**

1. Permohonan yang lewat diterima dan tidak lengkap diisi akan ditolak.
2. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.
3. Sebarang perbelanjaan bagi urusan permohonan jawatan dan temu duga adalah tanggungan pemohon sendiri.
4. Satu borang hanya untuk satu jawatan sahaja.
5. Semua salinan dokumen hendaklah disahkan benar oleh pihak yang tertentu sahaja seperti yang berikut:
  - a) Jabatan Pendaftaran Negara untuk dokumen di (i) dan (ii);
  - b) Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dokumen di (iii) dan (iv).